

Revolusikan kebersihan tandas awam kita

TANDAS di Malaysia kotor dan busuk. Itu pengakuan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada Selasa lalu. Beliau malu dengan keadaan tandas awam di negara ini yang kotor dan busuk. Menurut itu, situasi itu mencerminkan masyarakat Malaysia tidak mempunyai tanggungjawab sivik.

Berbeza dengan keadaan tandas awam di sesetengah negara lain yang amat bersih. Menurut Perdana Menteri, keadaan itu berlaku kerana pengguna di negara tersebut tidak mengotorkan persekitaran.

Sememangnya, tandas awam kotor bukan masalah baharu kerana ia sudah lama diperkatakan dan dikaitkan dengan sikap tidak bertanggungjawab sesetengah rakyat negara ini.

Rungutan demi rungutan disuarakan mengenai tandas awam yang tidak bersih, termasuk pembuangan pelbagai jenis sampah, antaranya tuala wanita, lampin pakai buang dan sisa najis yang sengaja tidak dipam.

Kebanyakan kita tidak puas hati dan beranggapan tandas awam di Malaysia belum sampai standard kebersihan yang sepatutnya walaupun pelbagai kempen sudah dilaksanakan untuk meningkatkan kebersihan tandas.

Apakah perkara ini berlaku disebabkan penjagaan sambil lewa pihak yang sepatutnya atau berpunca daripada sikap pengguna itu sendiri? Hakikatnya, aspek kebersihan tandas khususnya tandas awam perlu dititikberatkan jika tidak mahu dilabel sebagai masyarakat pengotor.

Malangnya, amalan baik dalam urusan harian dalam kalangan masyarakat di Malaysia masih pada tahap rendah berbanding masyarakat di negara maju.

Masyarakat kita tidak ada disiplin untuk menjaga kebersihan tandas awam termasuk tandas di masjid atau surau dan paling jijik ada yang suka menconteng kata-kata lucu di tandas awam. Inilah antara sikap masyarakat kita.

Paling malang, aspek kebersihan di kawasan kediaman mereka terutama di flat juga kotor dan merisankan. Apabila adanya gotongroyong, mereka tidak ambil peduli kerana beranggapan semua kerja



Di Sebalik Isu Panas

Oleh WAN AMSYAR JAILANI

kebersihan adalah tanggungjawab pihak berkuasa tempatan atas alasan mereka sudah membayar cukai pintu atau cukai taksiran.

Oleh itu, prosedur operasi standard (SOP) mengenai kebersihan tandas awam perlu ada dan dapat diterima pakai semua pihak. Orang ramai sepatutnya

mengambil bahagian dengan mempunyai perasaan kekitaan atau *sense of belonging* terhadap tandas awam iaitu tidak mahu ia rosak dan kotor.

Kita boleh lihat di kebanyakan tempat tumpuan, hampir semua tandas awam ada tukang cuci yang ditugaskan untuk menjaga kebersihannya. Bagaimanapun, sebagai pengguna, kita sepatutnya ada kesedaran sivik untuk mengekalkan kebersihannya dengan mengamalkan etika yang betul semasa menggunakan tandas.

Ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang cantik, menarik dan bersih dalam segenap aspek. Kita harus sedar walaupun isu kebersihan tandas ini mungkin dilihat perkara biasa, ia memberi implikasi besar terutama dari segi kesihatan, kebersihan perseki-

taran dan ekonomi.

Tandas yang kotor semestinya berbau busuk dan mengganggu kegiatan seharian masyarakat yang mahu hidup selesa. Malah, tandas yang kotor juga akan memberikan imej yang negatif kepada masyarakat dan negara.

Justeru, bagi meningkatkan kebersihan tandas awam di seluruh negara, usaha berterusan diharap dapat dilakukan ke arah mewujudkan transformasi tandas awam yang positif di Malaysia.

Aktivis masyarakat, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata, Malaysia harus mencontohi negara-negara membangun seperti jiran terdekatnya, Thailand dalam mempromosikan amalan kebersihan yang selamat di tandas awam.

Katanya, Malaysia memerlukan revolusi baharu dalam menjaga tandas agar bersih sepanjang masa dan tidak membiarkannya kotor.

"Untuk menggunakan negara maju sebagai penanda aras mungkin terlalu tinggi, kita harus mencontohi beberapa negara membangun seperti jiran kita Thailand yang terkenal dengan tandas mereka yang bersih termasuk di kawasan luar bandar," katanya.

Kita perlu sedar kebersihan juga dianggap sebagai cabang beribadah. Sikap pengotor dan tidak berdisiplin serta pentingkan diri perlu dikikiskan. Sebaliknya, peraturan dikuatkuasakan dengan lebih tegas dan tiada kompromi lagi dalam hal sebegini.

Untuk menjadi negara maju, rakyat Malaysia juga kena ada sikap dan disiplin tinggi dan minda positif, rajin bekerja serta menjaga kebersihan sekeliling dengan penuh tanggungjawab. Kita kena pupuk amalan kebersihan bermula dari peringkat kanak-kanak dan bukannya sudah dewasa baru hendak belajar mengenal erti disiplin.

Malaysia harus mencontohi negara-negara membangun seperti jiran terdekatnya, Thailand dalam mempromosikan amalan kebersihan yang selamat di tandas awam

